

ROS tolak pendaftaran Pejuang, Muda

KUALA LUMPUR: Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, keputusan membatalkan permohonan pendaftaran Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) adalah disebabkan oleh keputusan Menteri Dalam Negeri.

Pengerusi Pejuang itu berkata, pihaknya sudah mematuhi semua peraturan yang ditetapkan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).

Katanya, Setiausaha Pejuang, Datuk Amiruddin Hamzah sudah berjumpa ROS dan dalam pertemuan itu, ROS memaklumkan semuanya lulus tetapi akan dirujuk pada menteri.

Ini bermakna proses pentadbiran kini menjadi perkara politik yang melebihi peruntukan undang-undang sedangkan ia tidak wajib untuk rujuk menteri.

“Keputusan ini mestilah berkaitan menteri sedangkan ROS sebelum ini, cakup tiada masalah,” katanya dalam sidang akhbar di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini semalam.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, pihaknya akan membuat rayuan kepada menteri.

Semalam, ROS menolak permohonan Pejuang yang atas alasan pendaftarannya dibuat secara tidak teratur.

Peguam Mior Nor Haidir Su-

haimi yang mewakili Pejuang berkata, pihak ROS telah menghantar surat kepada Amiruddin Hamzah mengenai penolakan permohonan itu.

Sementara itu, Ikatan Demokratik Malaysia (Muda) mendakwa keputusan ROS yang juga menolak pendaftaran parti itu adalah usaha jahat untuk menghalang mereka daripada bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.

“Kami telah memberi kerjasama penuh kepada ROS dan mematuhi segala syarat untuk pendaftaran. Oleh itu, tiada sebab kukuh untuk ROS menolak pendaftaran Muda,” kata parti dalam satu kenyataan semalam.

Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman mendaftarkan parti baharu itu dengan ROS pada 17 September lalu.

Muda menghantar permohonan sejak empat bulan lalu akan mempertimbangkan mengambil tindakan undang-undang atas keputusan ROS itu.

“Penolakan MUDA itu datang sehari selepas pembongkaran skandal keluarga ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Rahman berkait projek tren LRT Dang Wangi,” katanya.